

Soi Lek pula serang, label Tee Keat tidak relevan kepada MCA
The Malaysian Insider
02 Oktober , 2011
Oleh Shazwan Mustafa Kamal

KUALA LUMPUR, 2 Okt — Datuk Seri Dr Chua Soi Lek menyerang balik Datuk Seri Ong Tee Keat sambil menyifatkan bekas presiden itu sebagai tidak relevan kepada MCA.

“Ong Tee Keat tidak relevan kepada kami. Beliau akan kekal sebagai nota kaki dalam sejarah MCA,” kata Dr Chua (gambar) kepada pemberita hari ini.

Dalam temu bual dengan The Malaysian Insider semalam, Ong berkata, parti itu sedang berubah sebagai parti yang tidak relevan lagi.

Ong memberitahu, gabungan BN itu tidak memperlihatkan pembaharuan selepas ia tewas 25 daripada 40 kerusi Parlimen dan 59 daripada 80 kerusi Dewan Undangan Negeri yang ia tandangi pada pilihan raya umum 2008.

Katanya, MCA masih meneruskan polemik lama daripada membawa dan mengadakan pembaharuan yang diharapkan oleh para pengundi.

“Jika MCA terus menggunakan laluan dan jiwa yang lama, maka sudah pasti ia menuju situasi tidak relevan. Seseengah sudah pun dengan terus-terang mengatakan bahawa kami sudah pun tidak relevan,” kata Ong yang ditewaskan oleh Dr Chua ketika krisis kepimpinan parti itu 18 bulan yang lalu.

Pagi ini, ketika Dr Chua menyampaikan ucapan pada perhimpunan agung ke-58 parti itu, Ong meneruskan serangan dengan menegaskan, ia bukan sahaja tidak relevan lagi, malah berada dalam sindrom penafian.

Ong mempersoalkan Timbalan Presiden Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Ketua Pemuda MCA Datuk Dr Wee Ka Siong yang semalam menafikan dakwaan bahawa parti itu tidak relevan lagi.

“Tiong Lai dan Ka Siong menafikan MCA tidak relevan lagi. Kini (parti) dalam keadaan tidak relevan dan (dibayangi) sindrom penafian.

“Penafian Tiong Lai (mengenai kenyataan) MCA sudah tidak relevan lagi bukan sesuatu yang besar jika dibandingkan dengan penafian beliau berkaitan insiden (hospital) Tung Shin (pada 9 Julai lalu),” kata Ong dalam mesej dihantar menerusi Twitter.

Dr Chua yang kelihatan tersinggung dengan kenyataan Ong berkata, bekas presiden MCA itu tidak pernah membawa pembaharuan ke dalam parti ketika memegang jawatan itu, sebaliknya hanya menghukum ahli-ahli yang menentang beliau.

“Beliau pernah ada peluang untuk mengetuai MCA, beliau tidak pernah buat apa-apa untuk membawa pembaharuan.

“Pembaharuan yang hanya kita adakan adalah terlalu banyak EGM (perhimpunan agung tergepar)... selama 17 bulan di bawah Ong, kita ada tiga EGM, jika anda mengira satu yang diadakan oleh Datuk Seri Liow Tiong Lai,” kata Dr Chua dengan menyindir kepimpinan

Ong.

Sehubungan itu Dr Chua yang juga bekas menteri kesihatan mencabar Ong agar meletakkan jawatan jika beliau sudah tidak yakin lagi dengan masa depan parti.

“Anda tiada keyakinan ke atas MCA, mengapa anda mahu bertanding sebagai calon di bawah lambang Barisan Nasional, MCA? Letak jawatan jika tiada kepercayaan dalam parti,” kata Dr Chua lagi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/soi-lek-pula-serang-label-tee-k-eat-tidak-relevan-kepada-mca/>